



Zawawi: Empat cabaran pendidikan di S'wak

KUCHING, Rabu — Bidang pendidikan di Sarawak menghadapi empat cabaran utama dalam usaha membentuk masyarakat berpendidikan dan berpengetahuan pada alaf akan datang.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) Profesor Datuk Dr. Zawawi Ismail berkata, cabaran itu ialah berhubung bidang pengajian ditawarkan seiring dengan keperluan dan perubahan masa; kerelevanan bidang pengajian itu dalam pembangunan negeri; memperluas sistem pendidikan tinggi; dan pengurusan.

“Masa depan negeri ini banyak bergantung kepada sumber tenaga manusia. Kualiti dan kemampuan seseorang itu dari segi latihan, kefleksibelan, inovasi dan keusahawanan akan menentukan prestasi negeri ini dalam menghadapi persaingan dan cabaran pada masa depan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kertas kerja bertajuk “Education And Training: Meeting the Challenges of the Next

Millennium” pada persidangan antarabangsa ‘Kebangkitan Sarawak - Pusat Keuntungan Anda Pada Alaf Akan Datang’ di sini baru-baru ini.

Menurutnya, pada masa ini bidang pengajian dan penyelidikan telah mengatasi apa yang terdapat dalam bidang yang sama sebelum ini.

Tambahan pula, katanya, semakin hari semakin banyak maklumat mengenai sesuatu perkara diketengahkan.

“Justeru itu, menyediakan pakej pengetahuan untuk pendidikan dan latihan bagi sesuatu bidang menjadi satu cabaran berterusan kepada para akademik,” katanya.

Beliau berkata dalam menghadapi cabaran yang kedua iaitu dari segi relevannya sesuatu bidang pengajian itu kepada pembangunan negeri, institusi pengajian tinggi harus memelihara peranan mereka sebagai pencari pengetahuan; pemikir kritisikal dan agen perubahan.

“Cabarannya ialah mencari keseimbangan kegiatan untuk penye-

lidikan dan penemuan, untuk penyebaran dan penyampaian, dan untuk aplikasi dan perkhidmatan,” katanya.

Dr. Zawawi berkata di satu pihak, mengurus kampus yang besar memang sukar, dan di pihak yang lain pula, menambah bilangan universiti atau kampus cawangan juga memerlukan perbelanjaan yang besar.

Justeru itu, katanya, pendekatan pendidikan jarak jauh dan terbuka menjadi satu keperluan daripada sebagai pilihan dalam usaha untuk memperluas sistem pendidikan kepada golongan tertentu.

Sehubungan itu, katanya, penggunaan teknologi untuk melakukan kerja mengajar dan belajar adalah salah satu pilihan.

“Bagaimanapun, cabarannya ialah untuk mengurangkan kesendatan dalam pengeluaran program berkomputer akibat kekurangan panduan dan perekra grafik multimedia untuk menyokong pakar terbabit dalam teknologi berkenaan.

“Sehubungan itu, ia

menjadi cabaran berterusan kepada pihak yang menyediakan latihan dan pengetahuan untuk menyediakan program yang mudah difahami untuk memenuhi keperluan masyarakat pekerja,” katanya.

Menurut Dr. Zawawi, cabaran keempat yang berhubung pengurusan universiti ialah cabaran baru membabitkan usaha mencari format dan norma baru untuk berpisah daripada struktur dan amalan tradisional.

Beliau berkata memperbadankan universiti hanya langkah pertama.

Dalam pada itu, katanya, perubahan dari dalam lebih sukar untuk dilakukan apabila membabitkan perubahan mental. “Para akademik tidak biasa dengan idea mengenai kesetiaan kepada institusi, tetapi lebih kepada mereka sendiri dan bidang mereka.

“Norma baru semestinya akan memanfaatkan pelanggan, dan universiti harus sedar mengenai kualiti dan kepuasan pelanggan,” katanya.